

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 26.05.2016 (KHAMIS)

DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah jumlah statistik laporan aduan tentang harga makanan mahal pada tahun 2014 dan 2015 serta usaha-usaha menangani masalah peniaga menaikkan harga makanan dengan mahal agar hak pengguna terjamin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menerima sebanyak **472 aduan** berkaitan harga makanan mahal di kedai-kedai makan / restoran bagi **tahun 2014** dan sebanyak **2,116 aduan** pada **tahun 2015**.

Dari segi penguatkuasaan, sebanyak **711,433 bilangan pemeriksaan** yang telah dilaksanakan ke atas premis-premis yang merangkumi medan selera, restoran dan kedai makan bagi **tahun 2014** dan **77,288 pemeriksaan** pada **tahun 2015**. Berdasarkan jumlah pemeriksaan yang telah dilaksanakan, **356 kes** di bawah **Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011)** dan **37 kes** di bawah **Akta Timbang dan Sukat** pada **tahun 2014**. Manakala bagi **tahun 2015** pula, sebanyak **327 kes** telah dihasilkan di bawah **AKHAP 2011** dan **58 kes** di bawah

Akta Timbang dan Sukat. Manakala jumlah kompaun yang telah dikenakan ke atas premis-premis tersebut adalah sebanyak **RM22 ribu bagi tahun 2014 dan RM72 ribu bagi tahun 2015.**

Selain aktiviti penguatkuasaan, Kementerian juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani peniaga yang menaikkan harga makanan. Antara inisiatif tersebut seperti pelaksanaan **sesi *engagement* dengan pihak pengusaha-pengusaha kedai makan / restoran secara berkala** sebagai medium aku janji oleh pihak pengusaha kedai makan supaya tidak menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Kementerian juga telah melaksanakan inisiatif melalui pelaksanaan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP). Program ini dilaksanakan bagi **memberi pengiktirafan** kepada premis perniagaan yang dikenal pasti menawarkan **barangan keperluan harian seperti makanan pada harga yang berpatutan.** Ini dapat **memberikan lebih pilihan serta membantu pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan serta perkhidmatan pada harga yang berpatutan.** Pemilihan Kedai Harga Patut, bukan sahaja berdasarkan kepada aspek harga jualan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan sebaliknya turut merangkumi beberapa kriteria lain seperti kebersihan dan perkhidmatan pelanggan bagi menjamin kepentingan pihak pengguna.

Dalam hal ini juga, Kementerian amat menggalakkan rakyat selaku pengguna untuk **menyertai *Friends Of KPDNKK*** yang akan bertindak sebagai **mata dan telinga KPDNKK** bagi melaporkan sebarang kenaikan harga makanan khususnya dan pelbagai barangan dan perkhidmatan umumnya yang tidak munasabah. Kementerian juga menggalakkan rakyat malaysia untuk menggunakan aplikasi telefon pintar **Ez-ADU** untuk menyalurkan aduan secara cepat dan mudah.